



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA

MEDAC MENYAMBUT BAIK PAKEJ PEMERKASA+ BAGI MENYOKONG DAYA TAHAN USAHAWAN DALAM PELAKSANAAN PKP FASA 1

Putrajaya, 1 Jun 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menyambut baik Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri yang berlandaskan tiga matlamat iaitu **Mempertingkatkan Kapasiti Kesihatan Awam, Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat dan Menyokong Kelangsungan Perniagaan..**

Menurut YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, "Inisiatif yang diumumkan ini merupakan langkah yang tepat untuk membantu usahawan termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) mengekalkan daya tahan perniagaan dalam tempoh yang mencabar sepanjang lock down dilaksanakan bermula 1 Jun 2021".

PMKS yang berjumlah lebih 1.15 juta pada tahun 2020, memberi sumbangan yang amat signifikan dalam pembangunan sosio-ekonomi negara, di mana ianya menyumbang kepada hampir separuh daripada guna tenaga di negara ini iaitu sebanyak 7.3 juta orang

"MEDAC menyokong penuh pemberian insentif yang akan memanfaatkan usahawan, termasuk bantuan geran dan pembiayaan berjumlah RM11.5 bilion."

Inisiatif di bawah PEMERKASA+ yang akan memanfaatkan golongan usahawan yang terkesan adalah seperti berikut:

1. Bantuan Pinjaman Bank Bersasar bagi perusahaan mikro dan PKS yang tidak dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKP.
2. Program MARA Prihatin – Diskaun 30% sewaan premis.
3. Program Subsidi Upah – RM1.5 bilion.
4. Geran Khas Prihatin – RM1.5 bilion.
5. Pembiayaan Mikro Kredit di bawah BSN, TEKUN, MARA, SME Corp. dan YAPEIM – RM1.5 bilion.
6. Fasiliti Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar – RM7 bilion.
7. Lembaga Hasil Dalam Negeri mempertimbangkan rayuan pengenaan penalti dan menangguhkan pembayaran penalti ke tahun 2022.
8. Suruhanjaya Syarikat Malaysia memperkenalkan semula pelanjutan untuk penghantaran penyata kewangan, pelaksanaan mesyuarat tahunan bagi syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia dan moratorium denda bagi penghantaran lambat dokumen berkanun.
9. Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengecualikan bayaran lewat untuk membaharui lesen perniagaan sehingga 31 Disember 2021 bagi PKS mikro serta perniagaan milikan tunggal dan perkongsian.
10. Akta Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit COVID-19 atau Akta 829 ditambahbaik bagi membantu individu dan perniagaan yang terkesan.
11. Pengendali hotel, agensi pengembaraan dan pelancongan, premis dan kompleks membeli belah, pusat-pusat konvensyen, taman tema dan pejabat syarikat penerbangan tempatan layak menerima diskau bil elektrik sebanyak 10% selama 3 bulan tambahan antara bulan Julai hingga September 2021.
12. Potongan khas kepada pemilik bangunan dan ruang perniagaan yang menawarkan pengurangan sewa premis perniagaan kepada PKS dan bukan PKS untuk tempoh 6 bulan lagi sehingga 31 Disember 2021 bagi pengurangan sewa sekurang-kurangnya 30% daripada kadar sewa semasa.
13. Pelanjutan sehingga 31 Disember 2021 bagi pengecualian cukai pelancongan dan cukai perkhidmatan ke atas penginapan yang disediakan oleh pengendali hotel masih berterusan.

MEDAC komited dan bersedia dalam memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang diumumkan tersebut dapat sampai kepada golongan usahawan yang terkesan.

“Selain PMKS, golongan usahawan informal juga antara yang terjejas teruk kerana mereka ini tidak mempunyai simpanan dan aliran tunai yang mencukupi. Penemuan ini adalah berdasarkan analisa kaji selidik yang dilaksanakan oleh MEDAC ke atas usahawan pelbagai kategori,” tambah beliau lagi.

Terdahulu, MEDAC telah melaksanakan Kaji Selidik Mengenai Impak Covid 19 dan Penguatkuasaan PKP Ke Atas Usahawan secara berkala mulai pelaksanaan PKP 1.0 pada tahun lalu dan yang terkini adalah pada 15 Februari hingga 5 Mac 2021.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI